

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
BAGI DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**SOALAN :**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah pemberian dua juta *Set Top Box* (STB) secara percuma dalam projek siaran televisyen digital akan dijalankan. Apakah syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki untuk menerima STB itu dan jangkaan kos bagi projek tersebut.

**JAWAPAN :**

Yang Berhormat,

MyTV akan mengagihkan sebanyak 2 juta unit *Customer Premise Equipment* (CPE) secara berfasa dan proses ini telah bermula sejak bulan Jun 2015. CPE ini terdiri daripada *Set Top Box*, *Remote Control Unit* (RCU) dan *Aerial TV*. Pemberian fasa pertama ini adalah bagi tujuan penerimaan siaran percubaan di kawasan pantai timur. Pengagihan ini tidak melibatkan sebarang peruntukan Kerajaan.